

~~310, - 78/79~~

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,  
PERDANA MENTERI MALAYSIA SEMPENA  
PELANCARAN RESMI PERSATUAN  
KEBANGSAAN MENCEGAH SALAHGUNA  
DADAH, DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN,  
PADA HARI ISNIN, 22HB MAC, 1976,  
JAM 10.00 PAGI

Yang di Pertua, Persatuan Kebangsaan

Salahguna Dadah merangkap

Pengerusi Majlis,

Y.B. Menteri-menteri,

Dif-dif yang terhormat,

Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dulu saya mengucapkan syukur atas limpah rahmatNya mengizinkan kita semua berkumpul pada pagi ini, dengan tujuan melancarkan dengan resmi Persatuan Kebangsaan Mencegah Salahguna Dadah, yang bakal menjadi daya penggerak dalam usaha kita menentang masalah masyarakat, yang sedang kita hadapi sekarang.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, Allahyarham Tun Razak, semasa hayatnya sentiasa berusaha dan mencari jalan mengatasi sebarang masaaalah yang dihadapi oleh negara dan rakyatnya. Masaaalah menyalahgunakan dadah merupakan satu-satunya masaaalah masyarakat yang dipandang berat oleh Allahyarham. Itulah sebabnya, dalam perutusan yang diberikan semasa merayakan Hari Kebangsaan, pada 31hb Ogos, 1975, antara lain, Allahyarham telah mencadangkan agar sebuah persatuan kebangsaan diwujudkan, bagi menentang perbuatan menyalahgunakan dadah.

3. Dengan tertubuhnya Persatuan ini, tercapailah harapan Allahyarham, supaya setiap orang dari kita di sini dan setiap rakyat di seluruh negara dapat melibatkan diri serta bersama-sama memerangi habis-habisan perbuatan yang mengancam masyarakat ini. Saya sendiri tetap memberikan sokongan yang perlu bagi menghadapi masalah ini.

Saudara-saudara sekalian,

4. Sebenarnya, Allahyarham sendiri telah pun menetapkan satu tarikh untuk merasmikan upacara pelancaran persatuan ini, dalam bulan Februari lalu. Tetapi sebelum tarikh tersebut tiba, Allahyarham sendiri telah meninggalkan kita, buat selama-lamanya. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tugas kita yang tinggal untuk menyempurnakan amanat Allahyarham itu, demi untuk kesejahteraan, bukan sahaja jenerasi tua dan muda yang ada pada masa ini, bahkan juga jenerasi akan datang. Adalah menjadi kewajipan setiap orang dari kita menjadikan kempen ini berkesan dan mencapai tujuannya.

Saudara-saudara sekalian,

5. Penubuhan Persatuan Kebangsaan Mencegah Salahguna Dadah ini sangat tepat dan sesuai pada masanya, memandangkan bahawa masalah salahguna dadah semakin meluas dan bertambah serious. Tambahan pula, kita sekarang sedang berada di ambang Rancangan Malaysia Ketiga di mana usaha dan tenaga setiap rakyat sangat-sangat diperlukan bagi menjayakan sepenuhnya rancangan yang akan dilaksanakan itu. Akan tetapi, jika ramai dari rakyat, terutama golongan belia yang bakal menjadi harapan masyarakat telah diresapi oleh kegiatan menyalahguna dadah, sudah tentulah, kekuatan dan tenaga untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga itu akan terjejas.

6. Tidak siapa dapat menafikan hakikat bahawa tenggelam timbulnya sesebuah negara itu bergantung kepada sikap dan pendirian rakyatnya. Demikian juga dengan negara kita Malaysia ini. Dalam sejarah negara, kita telah bersama-sama menempuh berbagai masalah dan rintangan, yang dapat menguji sikap dan pendirian rakyat. Tetapi kerana adanya azam dan cita-cita yang kuat, sebahagian besar dari masalah dan rintangan itu, telah dapat kita atasi. Saya percaya, dengan semangat yang sama, kita juga akan dapat mengatasi masalah yang berhubung dengan perbuatan menyalahgunakan dadah ini, di samping mengadakan perancangan bagaimana mencegah penyebarannya.

7. Masalah salahguna dadah mendatangkan akibat penyakit jiwa bagi seseorang yang menghadapi masalah ini. Dan oleh sebab penyakit ini mudah berjangkit, ia menimbulkan pula penyakit masyarakat. Jiwa orang yang tidak ada nilai kerohanian, jiwa orang yang tidak ada prinsip pegangan hidup akibat kurang didikan agama, jiwa itulah yang senang diresapi oleh beranika kecemaran dan kejahatan. Di antaranya, ialah menyalahgunakan dadah. Terdapat juga,

8. Penyakit yang berhubungan dengan salahguna dadah ini boleh dielakkan, jika belum dihinggap. Tetapi, setelah dihinggapinya sukarlah untuk diubati. Perbuatan menyalahgunakan dadah juga, ada kaitannya dengan sikap dan kelakuan hidup manusia. Orang-orang yang telah menyalahgunakan dadah, lazimnya terdiri dari mereka yang mempunyai sikap yang silap terhadap dadah. Terdapat juga, mereka itu terdiri dari belia yang kurang hubungan dengan ibu bapa atau pun mereka yang sangat dimanja oleh ibu bapa.

11. Pada saat saya, segala tindakan yang diambil saya, sebagai kepala desa.

9. Saya sukalah berseru kepada ibu bapa, para pendidik serta pemimpin masyarakat sekalian, supaya asuh dan bimbinglah anak-anak kita, kaum pelajar dan kaum belia agar mereka itu mempunyai sikap yang positif dan boleh membezakan antara yang baik dan yang buruk. Dalam usaha kita mencari kemajuan hidup, janganlah kita lupa atau lalai dengan meninggalkan aspek yang bersangkutan dengan nilai agama, kesucian rohani, memperteguh batin dan tradisi hidup kita.

11. Pada hemat saya, segala tindakan yang diambil itu hanya boleh mendatangkan hasil yang berkesan sekiranya masyarakat, pada keseluruhannya, mempunyai sikap yang positif atau bersungguh-sungguh terhadap mengatasi masalah ini. Saya sukacita mendapat tahu bahawa sudah ramai anggota masyarakat kita yang telah sedar akan akibat buruk timbul dari masalah menyalahguna dadah ini. Tetapi saya masih belum yakin bahawa kesedaran itu sahaja sudah mencukupi. Tindakan dan penglibatan yang lebih bermakna adalah diperlukan. Misalnya menyertakan diri melalui institusi yang telah sedia ada seperti Rancangan Rukun Tetangga, RELA

Saudara sekalian,

10. Peranan yang akan dijalankan oleh Persatuan Kebangsaan Mencegah Salahguna Dadah yang ditubuhkan ini, merupakan satu sambutan atau "reciprocal" kepada peranan Kerajaan ke arah matlamat utama iaitu membasmi kegiatan menyalahgunakan dan menyebarkan dadah. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah semenjak beberapa tahun yang lalu, dengan membawa hasil yang baik. Tindakan-tindakan ini masih diteruskan bahkan dipergiatkan lagi. Tindakan menentang penyalahgunaan dadah yang telah dijalankan sehingga ke hari ini, termasuk memperketatkan undang-undang pengawalan dadah berbahaya, menubuhkan pusat-pusat rawatan dan pemulihan dan menjalankan kempen penerangan serta pelajaran mengenai bahaya dan akibat dadah kepada diri sendiri dan orang ramai.

dan pertubuhan sukan dan klab-klab belia, di mana penerangan mengenai dadah dan akibatnya boleh diadakan. Demikian juga tindakan terhadap orang yang mengedar atau menyeludup dadah, di satu-satu kawasan, patutlah diambil berat dan dengan lebih tegas lagi. Kaum belia hendaklah digalakkan menyertai klab dan pertubuhan sukan atau aktiviti yang boleh mereka menghabiskan masa secara berguna untuk mengelakkan mereka dari terjerumus ke dalam kegiatan dadah yang buruk ini.

Saudara sekalian,

12. Menurut bentuk rangka persatuan ini, dari di peringkat Kebangsaan, hingga ke peringkat Negeri dan Daerah, ada memberi kesempatan kepada kaum ibu untuk menyertai kegiatannya. Saya yakin, dengan penyertaan ini kaum ibu boleh memberi sumbangan yang berkesan dalam usaha menentang perbuatan menyalahguna dadah, khasnya, dalam lapangan pendidikan dan asuhan. Demikian juga, dalam usaha memberikan panduan dan bimbingan yang sempurna kepada anak-anak, semasa mereka di rumah.

13. Dalam hubungan ini, saudara-saudara, saya sukalah menekankan pentingnya memberikan didikan dan pelajaran agama kepada anak-anak kita untuk menyediakan benteng menentang gejala yang tidak sihat ini, dan telah pun melanda masyarakat kita. Seperti kita sedia maklum, dalam zaman serba maju dan moden ini, masyarakat kita menghadapi banyak dugaan dan cubaan, terutama dalam bidang kesenian, kebudayaan serta pengaruh luar yang bertentangan dengan keaslian dunia timur kita. Dengan adanya asas pendidikan agama dan iman yang kukuh di samping pengawasan yang kuat, jenerasi muda kita tidaklah mudah dipengaruhi oleh anasir dan kegiatan yang boleh meruntuhkan moral dan merosakkan nilai-nilai hidup itu. Saya harap rakyat jelata akan bersama-sama dengan Kerajaan menentang pengaruh yang tidak diinginkan itu. ...15/-

Saudara sekalian,

14. Ada pendapat yang mengatakan bahwa penyebaran dadah ini mempunyai motif politik untuk menjadikan belia kita satu golongan masyarakat yang tidak berjiwa, satu golongan bangsa yang tidak bertanggungjawab. Sungguhpun hal ini tidak dapat dibuktikan dengan sah, tetapi tidak pula kita menolak adanya kemungkinan tujuan ini.

terasuklah mereka yang terlibat dengan penyeludupan, palaran dan pengedaran dadah. Selain dari melalui bidang ASEAN, kita juga mempunyai hubungan kerjasama rapat dengan negara-negara jiran dan negara-negara sahabat lain yang juga menghadapi masalah yang sama, dalam bidang ini.

Saudara sekalian,

15. Tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah menyalahgunakan dadah ini tidak terhad di dalam negara ini sahaja. Kita telah menghubungi pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi membincang dan mencari rumusan atas masalah ini. Di kalangan negara-negara ASEAN pula, kita telah menandatangani satu 'extradition arrangement' yang meliputi semua aspek jenayah, termasuklah mereka yang terlibat dengan penyeludupan, pelarian dan pengedaran dadah. Selain dari melalui bidang ASEAN, kita juga mempunyai hubungan kerjasama rapat dengan negara-negara jiran dan negara-negara sahabat lain yang juga menghadapi masalah yang sama, dalam bidang ini.

Saudara-saudara sekalian,

16. Untuk membolehkan negara terus bangun dan mencapai peringkat kemajuan yang lebih tinggi, kita memerlukan rakyat yang berdisiplin, suci dari segi rohani dan jasmani, dinamis, waras fikiran dan yang paling penting sekali keamanan dan ketenteraman. Tetapi sekiranya ramai dari kita, terutamanya di kalangan jenerasi muda, telah terjerumus ke lembah menyalahgunakan dadah, sudah tentu keselamatan negara akan terancam dan segala kemajuan yang kita harapkan itu tidak akan dapat menjadi kenyataan seperti yang diharapkan.

16. Dengan pelancaran resmi penubuhan Persatuan ini di peringkat kebangsaan, saya harap semua Kerajaan Negeri akan dapat pula menubuhkannya di peringkat negeri, dengan seberapa segera yang boleh, supaya tindakan kita menjadi lebih bermakna serta menyeluruh.

17. Akhirnya, sukalah saya mengucapkan setinggi tahniah dan terimakasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan masa dan tenaga, untuk menjayakan pelancaran resmi Persatuan ini. Setinggi penghargaan dan terimakasih saya ucapkan kepada pihak yang telah menyumbangkan derma kepada Persatuan ini.

Saudara sekalian,

18. Dengan nama Allah, yang  
amat pemurah, lagi mengasihani,  
saya dengan resminya melancarkan  
Persatuan Kebangsaan Mencegah  
Salahguna Dadah ini semoga ia  
berjaya.

—o0o—



.....
.....

Saudara sekalian,

18. Dengan nama Allah, Yang

kuat pemurni, jagat menegakkan,

sayu dengan kesetiannya melancarkan

peraturan Keadanan Menecegan

Salahguna Uadai ini semoga ia

perjaya.

—00—



No Siri .....	174
No Penerimaan .....	30/79